



Koperasi Tunas Muda  
Sungai Ara Berhad

KELUARAN Mei 2008  
Bil. 10  
UNTUK ANGGOTA SAHAJA  
www.tunasmuda.com.my

# Buletin Tunas Muda

## SASARAN 2008- SELESAI PEMBERIAN PERUNTUKAN PERUMAHAN

>> oleh: Hasnol Hadi B. Abd Hamid/Saidin Ab. Hamid

Sepanjang tahun 2007 sebanyak 127 anggota telah pun menerima peruntukan perumahan dengan majoritinya di kawasan pembangunan Kampung Perlis Fasa 1. Ini menjadikan jumlah anggota yang telah menerima peruntukan sehingga 31 Disember 2007 adalah sebanyak 1,142 orang. Pada tahun 2008 Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad (KTMSAB) mensasarkan pemberian peruntukan kepada 192 anggota (1,334 orang – 1142 orang = 192) yang belum menerima peruntukan anggota.


Pemberian peruntukan ini berdasarkan perancangan yang telah diluluskan oleh pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Menerusi

pengagihan secara bertulis akan membolehkan anggota mengetahui jenis dan lokasi peruntukan mereka. Pemberian peruntukan ini juga melengkapkan salah satu daripada misi koperasi iaitu menyediakan perkhidmatan, faedah dan pulangan terbaik kepada anggota selaras dengan matlamat penubuhannya.

Bagi mencapai sasaran ini, KTMSAB dijangka akan menyediakan 235 rumah peruntukan untuk ditawarkan kepada anggota – anggota yang belum mendapat peruntukan perumahan yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM 30.56 juta. Statistik pengagihan peruntukan anggota bagi tahun 2008 adalah seperti berikut :-

### SASARAN PERUNTUKAN ANGGOTA BAGI TAHUN 2008

BIL	JENIS	KAWASAN	JUMLAH (ANGGOTA)
1	Pelarasan 2 Unit LMC	Kampung Perlis	44
2	Teres 1 Tingkat	Kampung Perlis	57
3	Pelarasan RM 160,000.00	Luar Pulau Pinang	5
4	Rumah Sesebuah 1 Tingkat	Jalan Tengah Fasa 8	3
5	Rumah Berkembar 1 Tingkat	Jalan Tengah Fasa 8	20
6	Rumah Berkembar 2 Tingkat	Jalan Tengah Fasa 8	20
7	Rumah Sesebuah 2 Tingkat	Jalan Tengah Fasa 8	8
8	Rumah Sesebuah 2 Tingkat	Sungai Tiram Fasa 2	32
9	Rumah Berkembar 1 Tingkat	Sungai Tiram Fasa 2	34
10	Rumah Berkembar 2 Tingkat	Sungai Tiram Fasa 2	10
11	Tapak Bina Sendiri	Jalan Tengah Fasa 7	2
<b>JUMLAH</b>			<b>235</b>



>> Atmod Jami Ghazali

▲ Pelan Susun Atur Kampung Perlis (Lot 8009)

Keseluruhan jumlah pengagihan peruntukan ini sebenarnya telah pun melebihi baki peruntukan yang belum diterima iaitu sebanyak 44 unit yang boleh dijadikan pilihan alternatif kepada anggota untuk menentukan jenis dan lokasi kawasan perumahan yang mereka inginkan. Semoga apa yang dihasrat KTMSAB akan mampu menggerakkan kemajuan dan kejayaan yang diinginkan.

Untuk anggota yang belum menerima peruntukan adalah dinasihatkan melengkapkan borang pemilihan mengikut keutamaan dengan menggunakan borang yang disertakan dalam Buletin ini.

Jika tidak sampai, kembalikan kepada:

### KOPERASI TUNAS MUDA SUNGAI ARA BERHAD

No. 126, Jalan Dato' Ismail Hashim,  
Taman Tunas Muda, Sungai Ara,  
11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang.  
Tel: 04-6438515 Fax: 04-6437507



## Program Latihan MKM Bagi Bulan Mei Hingga Ogos 2008

>> oleh: Nor Baizura Mohd Nor

KOD/NAMA KURSUS	SASARAN	OBJEKTIF KURSUS	TARIKH/TEMPOH KURSUS
IDC801 Bengkel Membina Jati diri Pemimpin	- Anggota Lembaga Koperasi - Jawatankuasa Audit Dalaman - AJK Kecil Koperasi - Kakitangan Koperasi - Anggota Koperasi & individu/usahawan	Pada akhir kursus ini, peserta akan dapat 1. mengenal pasti elemen-elemen jati diri pemimpin. 2. membina kemahiran kepimpinan. 3. memahami komunikasi kepimpinan.	12/05- 14/05/2008 (3 hari)
IDB 241 Pengurusan Pasar mini/ Pasar raya	- Anggota Lembaga Koperasi - Pengurus Koperasi - Kakitangan Kanan Koperasi - Pegawai Agensi yang menyelia koperasi - Anggota Koperasi & individu/usahawan	Pada akhir kursus ini, peserta akan dapat mengenal pasti dan mengamalkan teknik-teknik pengurusan pasar mini/pasar raya dengan berkesan	26/5 - 29/5/2008 (4 hari)
IDC 803 Bengkel Berfikir Di Luar Kotak (Thinking Out Of The Box)	- Anggota Lembaga Koperasi - Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi - AJK Kecil Koperasi - Kakitangan Koperasi - Pemimpin Pelapis	Pada akhir kursus ini, peserta akan dapat:- 1. mengenal pasti faktor yang mempengaruhi kemahiran berfikir. 2. berfikir secara kreatif dan kritis.	2/6 - 4/6/2008 (3 hari)
IDB 724 Keusahawanan dalam Perniagaan Kek dan Bakeri	- Anggota Lembaga Koperasi - Pengurus Koperasi - Kakitangan Kanan Koperasi - Pegawai Agensi yang menyelia koperasi - Anggota Koperasi & individu/usahawan	Pada akhir kursus ini, peserta akan dapat:- 1. mengenal pasti teknik memproses serta mengusahakan perniagaan kek dan bakeri menggunakan teknologi/kaedah pemrosesan secara komersial. 2. pendedahan mengenai kawalan mutu, kebersihan dan sanitasi pengeluaran kek dan bakeri. 3. memahami konsep pengurusan perniagaan dan pemasaran kek dan bakeri secara komersial. 4. membentuk cadangan perniagaan kek dan bakeri secara komersial.	9/6 - 13/6/2008 (5 hari)
IDA 123 Merancang Pelaburan Koperasi Secara Bijak	- Anggota Lembaga Koperasi - Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi - AJK Kecil Koperasi - Pengurus dan Kakitangan Kanan Koperasi - Kakitangan Kanan Koperasi - Pegawai Agensi yang menyelia koperasi	Pada akhir kursus ini, peserta akan dapat:- 1. memahami tujuan pelaburan serta konsep risiko dan pulangan. 2. mengenal pasti peluang-peluang pelaburan untuk koperasi. 3. menggunakan pendekatan yang sesuai untuk merancang portfolio pelaburan koperasi.	4/8 - 6/8/2008 (3 hari)
IDB 727 Keusahawanan Pengeluaran Makanan Secara Komersial Modul 1 - Produk Mi dan Soya	- Anggota Lembaga Koperasi - Pengurus Koperasi - Kakitangan Kanan Koperasi - Pegawai Agensi yang menyelia koperasi - Anggota Koperasi & individu/usahawan	Pada akhir kursus ini, peserta akan dapat:- 1. mengenal pasti teknik memproses serta mengusahakan perniagaan mi, tauhu, tauhu-fah dan minuman soya. 2. pendedahan mengenai kawalan mutu, kebersihan dan sanitasi. 3. memahami konsep pengurusan, perniagaan dan pemasaran dalam membentuk cadangan perniagaan mi, tauhu, tauhu-fah dan minuman soya secara komersial.	11/8 - 14/8/2008 (5 hari)

Anggota yang berminat untuk mengikuti kursus yang dianjurkan oleh MKM, sila hubungi Encik Yusoff untuk keterangan lanjut di talian 04-643 8515

>> oleh: Nor Safiza Mohd Azami

### PEMBEKAL MARUKU

Maruku dengan harga serendah RM 10.00/pek. Sesiapa berminat boleh juga membuat tempahan bagi sebarang majlis.

Sila hubungi Puan Siti Fatimah bt Ahmad di talian 04-644 6835 untuk tempahan.



### AL-QURAN DIGITAL IQRA'A

Al-quran digital iqra'a model AL-OK777 dengan harga RM 290.00. Ia mengandungi 30 juzuk dengan tafsir ahjalalain. Bacaan oleh Sheikh Sudais & Shuraim (Imam Masjidil Haram). Ia juga mempunyai arah kiblat, doa khatamul quran, kalendar Masihi dan Hijrah. Jaminan setahun.

Ciri-ciri istimewa lain :

1. Pilihan terjemahan dalam 9 bahasa
2. Carian cepat surah dan ayat
3. Paparan teks dalam rasmi Uthmani
4. Mempunyai 3 kelajuan bacaan
5. Lampu latar LCD bagi penggunaan dalam suasana gelap
6. Penggera waktu solat (azan)
7. Saiz alat kecil dan senang dibawa ke mana-mana



>> gambar ilustrasi sahaja

Sekira berminat memilikinya sila hubungi Zuraidah bt Salleh di talian 016-4021459.

### INGIN KEMBANGKAN PERNIAGAAN ANDA?

Anggota dan keluarga yang ingin mengembangkan perniagaan boleh menghubungi pihak koperasi. Koperasi akan kendalikan seminar peluang perniagaan yang ingin diperluaskan dan dihebahkan.

Sesiapa yang berminat sila hubungi Puan Arizan binti Ahmad di talian 04-643 8515 (waktu pejabat) untuk keterangan lanjut.

### MAI SECAWAN...



### PEMBEKAL KOPI RADIX

Minuman kopi Radix dengan harga 32 pek/RM 30.00, 15 pek/RM 15.00 dan RM 20.00 pek papan/ RM 18.00. Ada diskau.

Selain itu, karipap dan cucur badak segera juga ada dijual dan boleh membuat tempahan sekira berminat.

Sila hubungi Encik Anuar Bin Hussain di talian 04-644 5873 atau 016-4569904 untuk tempahan.



### KURSUS PRODUK HASILAN IKAN

Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad melalui Jawatankuasa Kecil Pembangunan Wanita mempelawa anggota dan keluarga anggota untuk mengikuti kursus menghasilkan dan memasarkan produk hasilan ikan. Kursus ini anjuran bersama Lembaga Kemajuan Ikan.



Tempat terhad. Daftar segera kepada Puan Arizan binti Ahmad di talian 04-643 8515.

### TEMPAHAN CENDERAHATI

Sesiapa berminat untuk menempah cenderahati seperti rantai kunci (key-chain), t-shirt, topi, pen dan lain-lain cenderahati boleh membuat tempahan kepada Puan Hasnah di talian 012-4505001 atau 012-4257761.



Open for  
Registration

# Relau | Pagar Buluh

fasa 1a  
design for better living

>> oleh: Farahanah Ismail



## Upcoming Projects in Relau

All statements are believed to be correct but are not to be regarded as statements or representations of fact. All information is current at time development and is subject to change without notification as may be required by the relevant authorities or developer's architect. Rendering and illustrations are artist's impressions only and cannot be regarded as representation of fact. For internal circulation only.

What does *Tunas Perdana* offer you beside comfort?

- 24 hours security
- Security card at entrance area
- CCTV
- Auto Card Access
- Swimming pool & Children Pool
- BBQ Pit
- Landscaped garden
- Gymnasium & Fitness Centre
- Spa & Sauna
- Convenience Store
- WiFi connection facilities

(The facilities provided are subject to change according to the sales and purchase agreement)

**FREEHOLD / HAKMILIK KEKAL**

Untuk keterangan lanjut, hubungi kami di /  
For further information please call:

**04-643 8515**

[www.tunasharta.com.my](http://www.tunasharta.com.my)



## Info Pembangunan

>> oleh: Farahanah Ismail

### Projek Tunas Damai Fasa 1

Koperasi telah membangunkan projek perumahan dan komersial yang lengkap dengan kemudahan infrastruktur bagi dinikmati oleh penduduk yang memiliki kediaman disana. Projek rumah teres dua tingkat dan rumah pangsa kos rendah telah memperolehi sijil penghunian pada 7 Mac 2008 daripada Majlis Perbandaran Pulau Pinang.

Projek Dalam Pelaksanaan

>> Ahmad Jazmi Ghazali



Projek Dalam Pelaksanaan

>> Ahmad Jazmi Ghazali



Projek komersial yang terdiri daripada 14 unit rumah kedai dan 16 unit pejabat kedai telah mencapai tahap kemajuan sebanyak 80% dan dijangka akan memperolehi sijil penghunian dalam bulan April 2008.

Bagi projek Pangsapuri kos sederhana pula telah mencapai tahap kemajuan sebanyak 65% dan bangunan dijangka siap pada penghujung tahun 2008.

### Informasi Perumahan Kos Rendah

Syarat Kelayakan Membeli Rumah Kos Rendah

1. Warganegara Malaysia.
2. Bermastautin di negeri Pulau Pinang.
3. Berumur 21 tahun ke atas pada tarikh memohon.
4. Pendapatan keluarga tidak melebihi RM2,500.00 sebulan.
5. Pemohon (suami/isteri) belum memiliki rumah.

Maklumat lanjut dan borang diperolehi di Kaunter Pejabat Perumahan, Tingkat 3, Bangunan KOMTAR, Pulau Pinang. Sebarang pertanyaan boleh dihubungi melalui telefon 04-2621957 ext 5373

### Projek Relau Pagar Buluh Fasa 1A

Projek pangsapuri Relau Pagar Buluh Fasa 1A yang akan dibina pada pertengahan tahun 2008 yang mempunyai pelbagai kemudahan seperti kolam renang, sauna, gymnasium dan pelbagai kemudahan-kemudahan lain. Pangsapuri ini terdiri daripada 448 unit dan mempunyai keluasan 850 kaki persegi seunit. Pangsapuri ini akan dilancarkan pada bulan Jun 2008 dan ia terbuka kepada semua. Kepada sesiapa yang berminat bolehlah mendaftar di bahagian Jualan dan Pemasaran atau dengan melayari laman web Tunas Harta Sdn. Bhd iaitu anak syarikat Koperasi yang mengendalikan projek, jualan dan pemasaran ([tunasharta.com.my](http://tunasharta.com.my)).

>> Ahmad Jazmi Ghazali



Projek Akan Datang

### Projek Jalan Tengah Fasa 7A

Sehingga kini kemajuan kerja-kerja di tapak adalah lebih kurang 15%. Pembinaan Projek Jalan Tengah Fasa 7A Sungai Ara mempunyai 3 unit rumah sesebuah 2 tingkat, 26 unit rumah berkembar 2 tingkat dan sebuah pencawang TNB untuk skim rumah peruntukan anggota.



>> Ahmad Jazmi Ghazali

>> Ahmad Jazmi Ghazali



Projek Dalam Pelaksanaan

Projek Dalam Pelaksanaan



### Projek Pangsapuri Seri Nilam Taman Tunas Muda Fasa 6

Projek pangsapuri Seri Nilam yang mempunyai 90 unit dan terletak berhadapan dengan stadium PISA telah mencapai tahap kemajuan sebanyak 20% dan bangunan dijangka siap pada akhir tahun 2008.



**Khidmat Anggota**

>> oleh: Nooryanty Che Ahmad

Bagi meningkatkan perkhidmatan kepada anggota, kaunter anggota setempat kini ditempatkan di tingkat bawah pejabat Koperasi. Anggota ada masalah yang hendak diselesaikan dan perlu berjumpa dengan Pengerusi atau Setiausaha, hari bersama Pengerusi/Setiausaha ditetapkan seperti berikut:

**Hari :** Setiap hari Jumaat  
**Minggu :** Pertama (1) dan Ketiga (3)  
**Jam :** 10 pagi - 12.30 tengahari



\*Anggota yang belum memberi gambar untuk dimasukkan ke dalam sistem, diminta berbuat demikian dengan kadar segera.

\* Anggota yang belum memberi nombor akaun bank untuk kemasukan dividen, diminta berbuat demikian dengan kadar segera.

\*Bagi anggota koperasi (berumur 65 tahun ke bawah) di Pulau Pinang dan di Seberang yang masih belum mendapatkan "kad perubatan" bolehlah mendapatkannya di pejabat koperasi pada waktu pejabat.

Sebarang pertanyaan sila hubungi Puan Norshidah/ Cik Sazwani ditalian 04-6438515

**TAMBAHAN MODAL SYER**

>> oleh: Nooryanty Che Ahmad

Tambahan modal syer anggota yang jumlahnya belum mencapai RM10,000.00 telah dijemput membuat tambahan mulai 1 Ogos 2007 dan tarikh tutup pada 31 Disember 2007.

Walau bagaimanapun Pegawai Koperasi (Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari) telah bersetuju tempoh tambahan modal syer

tersebut dilanjutkan lagi sehingga akhir bulan September 2008.

Tuan/puan yang berkelayakan seperti di atas sahaja layak membuat permohonan melalui "borang" yang boleh diperolehi di Pejabat Koperasi pada waktu pejabat.

Bayaran tambahan boleh dibuat serta merta.

**Bantuan Kebajikan Am (Khairat Kematian) Tahun 2008 (RM2,500.00 Seorang)** >> oleh: Nooryanty Che Ahmad

AL-FATIHAH / TAKZIAH

BIL	NAMA	NO. ANGGOTA	UMUR	TARIKH MENINGGAL
1	YUSUF BIN LIN	0951	75	12.1.2008
2	TAN CHENG HOO	1544	78	18.1.2008
3	ABD RAHIM BIN MAT	1430	68	22.1.2008
4	DAUD BIN ARIFFIN	1331	84	1.2.2008
5	MOHD ZAID BIN HASHIM	0186	82	3.3.2008
6	AHMAD BIN HJ SAMAT	0947	80	6.3.2008

**Buang sampah dimata**

>> oleh: Nor Saliza Mohd Azami

Pernahkah mata anda dimasuki sampah atau habuk. Jika ini terjadi tentunya mata anda terasa pedih atau kesat sehingga mengganggu penglihatan anda. Kadang-kadang jika ini terlalu serius, mata anda akan menjadi merah dan bengkak-bengkak. Bila berkeadaan begini apakah tindakan anda? Mengikut petua, anda disyorkan mencampurkan beberapa butir garam kedalam air suam-suam panas. Seelok-eloknya isikan air kedalam besen. Cecahkan muka anda kedalam air dan kenyalit berulang-ulang sehingga mata anda terasa ringan.



**Sidang Pengarang**

- |                 |   |                         |  |
|-----------------|---|-------------------------|--|
| Ketua Pengarang | : Puan Kamsiah Bt. Mohamad              | Pemberita               | : Puan Nor Baizura Bt. Mohd Nor (STSB)   |
| Pengarang       | : Encik Mohd Hilmi B. Rashid            |                         | : Puan Nor Safiza Bt. Mohd Azami (STESB) |
| Grafik          | : Encik Mohd Hilmi B. Rashid            |                         | : Puan Farahanah Bt. Ismail (THSB)       |
| Pemberita       | : Cik Nooryanty Bt. Che Ahmad           | Juru gambar             | : Encik Ahmad Jasmi B. Ghazali           |
|                 | : Encik Hasnol Hadi B. Abd Hamid (STSB) | Percetakan/Pengeluaran: | : Puan Hajah Che Maimunah Bt. Kassim     |

Sila kemaskini alamat surat menyurat tuan/puan sekiranya ada perubahan dan hantarkan kepada Koperasi.

**POTONG DAN KEMUKAKAN KEPADA:-**

Setiausaha,  
 Koperasi Tunas Muda Sg. Ara Berhad  
 No. 126, Jalan Dato' Ismail Hashim,  
 Taman Tunas Muda, Sungai Ara,  
 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang.

**MAKLUMAT PERTUKARAN ALAMAT**

Pertukaran alamat surat menyurat saya adalah seperti berikut:-

Nama ..... No. Anggota .....

No. Kad Pengenalan ..... No. Telefon .....

Alamat Baru .....

.....

Tandatangan ..... Tarikh .....

**Penawar Batu Karang**

>> oleh: Nooryanty Che Ahmad

Ambil dua pokok dukung anak atau kelek anak. Cuci bersih dan tumbuk sederhana lumat. Tuang air suam dan tapis. Minum sehari sekali. Insyaallah amat mujarab.



**Minyak Masak**

>> oleh: Nooryanty Che Ahmad

Ramai suri rumah yang mengalami masalah semut yang kerap menghurung gula di simpanan dapur kita. Ini masalah yang agak kerap di alami.



Cara ini agak mudah iaitu dengan meletakkan sedikit (ambil dengan jari) minyak masak dan ratakan di sekeliling mulut tempat kita letakkan gula tersebut.

**Menghilangkan Panas Badan**

>> oleh: Nooryanty Che Ahmad

Ada petua yang sering diamalkan iaitu meminum air belimbing yang ditapis. Hanya perlu ambil buah belimbing dan dikisarkan bersama-sama sedikit air. Kemudian ditapis airnya sebelum diminum. Ada juga yang suka meminum sekali dengan serat-seratnya.

